

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 APRIL 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

Kadar pengangguran turun kepada 3.5 peratus



MOHD. UZIR

Kadar pengangguran turun kepada 3.5 peratus

PETALING JAYA – Kadar pengangguran negara turun kepada 3.5 peratus pada Februari lalu berbanding 3.6 peratus pada bulan sebelumnya, melibatkan 591,900 orang penganggur, menurut Statistik Tenaga Buruh yang diterbitkan Jabatan Perangkaan semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, kedudukan pasaran buruh negara terus stabil sejajar dengan perkembangan aktiviti ekonomi.

"Bilangan tenaga buruh pada Februari 2023 berada pada trend menaik, dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.78 juta orang (Januari 2023: 16.76 juta orang) untuk merekodkan kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi iaitu pada 69.9 peratus (Januari 2023: 69.8 peratus).

"Situasi yang menggalakkan ini menunjukkan pertambahan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala bilangan penganggur menunjukkan trend penurunan," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd. Uzir Mahidin menambah, pada Februari lalu, bilangan penduduk bekerja terus meningkat kepada 16.19 juta orang, naik sebanyak 0.2 peratus bulan ke bulan (Januari 2023: 16.16 juta).

Sementara bilangan penganggur turun sebanyak 0.7 peratus berbanding 596,100 orang pada Januari 2023.

"Pertumbuhan dalam semua sektor ekonomi dan keperluan kepada lebih ramai pekerja bagi menyokong permintaan domestik yang tinggi akan mendorong kepada peningkatan dalam permintaan buruh.

"Justeru, momentum pemulihan pasaran buruh dijangka berterusan sejajar dengan jangkaan trend pertumbuhan ekonomi negara yang kekal menggalakkan pada 2023," ujarnya.